



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK MOHD SUKRI BIN SUKIRMAN
SEORANG BEKAS RENJER PERHUTANAN DI GUNUNG LEDANG
MENGENAI SEJARAH LISAN PUTERI GUNUNG LEDANG DAN
PENGALAMAN HIDUP BELIAU DALAM BIDANG RENJER
PERHUTANAN DI GUNUNG LEDANG**

FARAH HANA BINTI HASLAHUDDIN

(2021113465)

NUR HATIKAH BINTI ABU MANSOR

(2021100839)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 - OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<i>Roman</i>	Abstrak	i-ii
<i>Numerals</i>	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	v
	Rujukan Kata	vi
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	4
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	4
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1	6-7
	4.2 Topik 2	7-8
5.0	Transkrip Tembual Bersama Tokoh	9-111
6.0	Log Temubual	112-129
7.0	Ralat	130
8.0	Glosari	131-133
9.0	Indeks	134-136
10.0	Bibliografi	137-138
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	139
	11.2 Surat Perjanjian	140
	11.3 Senarai Soalan	141-146
	11.4 Diari Penyelidikan	147-149

Abstrak

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman hidup seorang responden yang merupakan bekas renjer hutan di Gunung Ledang Resort yang mempunyai pengetahuan tentang kisah lagenda Puteri Gunung Ledang semasa bekerja di Gunung Ledang. Ramai dalam kalangan masyarakat tidak mengetahui secara langsung mengenai tentang kisah lagenda Puteri Gunung Ledang ini yang merupakan satu sejarah lama yang perlu diketengahkan semula. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai salah satu responden yang mempunyai pengalaman sejarah di Gunung Ledang ini, projek lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar di sebalik isu yang sering dikaitkan dengan lagenda Puteri Gunung Ledang iaitu mitos dan mistik. Bermula dari sejarah Puteri Gunung Ledang, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang mitos Puteri Gunung Ledang dan kisah mistik yang pernah berlaku oleh diri responden dan juga pelancong serta sedikit mengenai sejarah penubuhan Taman Negara Gunung Ledang. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Sukri sendiri, malah ianya turut diperolehi oleh beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengetahui dengan lebih lanjut dan mendalam tentang kisah lagenda Puteri Gunung Ledang ini.

Kata kunci: Lagenda Puteri Gunung Ledang, Mitos, Mistik, Gunung Ledang Resort,
Taman Negara Gunung Ledang

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izinNya dapat kami melaksanakan wawancara bersama responden yang dipilih iaitu Encik Mohd Sukri Bin Sukirman. Dengan demikian, kami juga dapat menyiapkan transkrip yang lengkap tentang wawancara tersebut. Wawancara ini adalah untuk memenuhi keperluan Kursus IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar tentang subjek ini. Beliau juga telah banyak memberikan garis panduan yang lengkap untuk menyiapkan transkrip ini mengikut prosedur sebagaimana yang dikehendaki.

Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Sukri Bin Sukirman kerana telah memberi kerjasama sepenuhnya untuk berkongsi pengetahuan beliau mengenai kisah lagenda Puteri Gunung Ledang dan secara tidak langsung kami berterima kasih juga kepada rakan-rakan kami kerana membantu kami menyiapkan transkrip ini.

Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih buat penyelia kami iaitu Puan Alizah Binti Ali kerana membantu dan memberikan pendapat untuk kami menyempurnakan wawancara ini. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih untuk penyelia kami, Puan Rohani Binti Jangga dan Encik Shahezam bin Mohammedin kerana mengiringi kami semasa wawancara bersama responden kami dijalankan.

Sekian, terima kasih.

Senarai Abreviasi

SINGKATAN	MAKSUD
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RNR	Rehat dan Rawat
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UiTM	Universiti Teknologi Mara